



**PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KIMIA MALAYSIA  
DISEMBER 2023**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA  
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**06 DISEMBER 2023  
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,  
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK  
IBU PEJABAT PETALING JAYA  
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

*Bismillahirrahmanirrahim*

- **Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Salam Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.**

- **Yang Berusaha Encik Shaari bin Desa**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Puan Marhayani binti Md Saad**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**

- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**

**Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya kasihi sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan inayah-Nya dapat sekali lagi saya berkumpul di dalam Perhimpunan Bulanan Bulan Disember 2023 bersama-sama semua warga KIMIA Malaysia yang hadir hari ini mahupun secara fizikal atau di dalam talian.
2. Di kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)** atas usaha dan kerjasama yang diberikan selaku penganjur bagi Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

## **MENJELANG TAHUN BAHARU**

Hadirin Sekalian

3. Kita semua menyedari bahawa kita kini berada di penghujung tahun 2023.
4. Saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana kita masih diberi peluang untuk bersama-sama di sini hari ini.

5. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua warga KIMIA Malaysia yang telah memberikan sokongan dan dokongan yang padu dalam usaha memastikan projek, program dan semua aktiviti jabatan yang dirancang pada tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.
6. Berdepan dengan cabaran yang begitu tinggi, tidak sedikit pun mematahkan semangat kita untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat.
7. Saya bersyukur atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk memimpin jabatan ini sejak 25 Januari lalu dan In sha Allah, saya komited untuk terus memimpin dengan tulus dan memberikan yang terbaik bagi kemajuan organisasi ini.

### **UCAPAN TAKZIAH**

8. Namun, dalam kegembiraan kita, saya juga ingin menyampaikan salam takziah kepada keluarga Norfarizan binti Othman, Pembantu

Tadbir N22 di Pusat Latihan Kimia Melaka (PLKM) yang telah meninggal dunia pada 22 November yang lalu.

9. Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.
10. Kepergian Norfarizan merupakan kehilangan yang besar bagi keluarga, rakan sekerja, dan organisasi ini.
11. Mari kita panjatkan doa agar keluarga yang ditinggalkan diberikan kekuatan dan kesabaran untuk menghadapi ujian ini.
12. Alfatihah
13. Saya juga telah dimaklumkan bahawa Encik Khairul Alimin bin Alias yang lebih dikenali sebagai Kimi dari Bahagian Khidmat Pengurusan telah ditimpa musibah, disyaki mengalami pendarahan dalam otak.
14. Beliau telah selamat menjalani pembedahan pada hari Isnin yang lalu dan kini dalam proses pemulihan.
15. Marilah kita sama-sama mendoakan agar segala urusan Kimi dipermudahkan dan kembali sihat seperti sediakala.

## **UCAPAN PENGHARGAAN & TAHNIAH**

### **LAWATAN KETUA PENGARAH KE KIMIA NEGERI DAN**

### **CAWANGAN**

Hadirin sekalian,

16. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada semua warga kerja KIMIA SibU yang diketuai oleh Encik Abdul Razak Mohd Iman atas persediaan dan sambutan yang diberikan semasa sesi Lawatan Kerja saya ke sana pada 14 November 2023 yang lalu.
17. Saya mengambil maklum masalah dan kekangan yang dihadapi dan akan berusaha mencari peluang penambahbaikan dalam memastikan proses kerja di makmal tidak terganggu malah dapat membawa KIMIA Malaysia ke arah yang lebih baik dan cemerlang.

### **PEMANGKUAN PERJAWATAN**

18. Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada YBrs. Puan Marhayani binti Md Saad, yang telah dilantik

sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), KIMIA Malaysia berkuatkuasa 15 November 2023.

19. Seterusnya, ucapan tahniah diucapkan kepada YBrs. Tuan Haji Muhammad Yazid bin Ibrahim yang telah ditempatkan sebagai Pengarah Kanan Pusat INDUSTRI dengan pemangkuan sebagai Pegawai Sains Gred Utama C berkuatkuasa juga pada 15 November yang lalu.
20. Tidak lupa juga ucapan tahniah saya kepada pegawai-pegawai berikut atas pemangkuan yang diterima.
  - a) Tuan Haji Sukhairi bin Samsudin, Pegawai Sains Gred C52-Gred C54 berkuatkuasa pada 1 Disember 2023 dan ditempatkan di KIMIA Pulau Pinang.
  - b) Puan Nor Hazili binti Aznan, Pegawai Sains Gred C48-Gred C52 berkuatkuasa pada 1 Disember 2023 dan ditempatkan di KIMIA Perak.
  - c) Puan Noorhazlina binti Abu Bakar, Pegawai Sains Gred C48-Gred C52 berkuatkuasa pada 1 Disember 2023 dan ditempatkan di KIMIA Pulau Pinang.

21. Semoga pemangkuan jawatan ini akan memberikan motivasi dan pendorong untuk terus memberikan komitmen kepada kecemerlangan KIMIA Malaysia kelak.

### **PENERIMAAN PINGAT**

22. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada **Puan Nor Hazili binti Aznan, Pegawai Sains Gred C52 (M)** dari **Jabatan KIMIA Malaysia Negeri Perak** atas Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Bagi Tahun 2023 dan menganugerahi beliau dengan Kurniaan Darjah Ahli Cura Si Manja Kini (A.C.M).

23. Seterusnya, tahniah dan syabas diucapkan kepada Pn. Roslin binti Laman, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 di KIMIA Sabah telah menerima Pengurniaan Bintang Kebesaran Bintang Kinabalu (B.K) pada 07 November 2023 di Dewan Istiadat, Istana Seri Kinabalu oleh Tuan Yang di-Pertua Negeri Sabah.



## **PERSARAAN**

24. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai berikut yang telah bersara sepanjang bulan November 2023.

a) **Encik Isahak bin Aris, Pembantu Operasi Gred N14 dari KIMIA Johor yang telah bersara pada 1 November 2023.**

b) **Tuan Haji Sahidan bin Jairot, Pembantu Operasi Gred N14 dari KIMIA Pulau Pinang yang telah bersara pada 2 November 2023.**

c) **Encik Abdull Rahim bin Chee, Pembantu Operasi Gred N14 dari KIMIA Pulau Pinang yang akan bersara pada 16 Disember 2023.**

d) **Puan Hajah Siti Redzoh binti Ibrahim, Pengarah KIMIA Terengganu Gred C54 yang akan bersara pada 18 Disember 2023.**

25. Satu majlis bagi meraikan YBrS. Puan Hajah Siti Redzoh binti Ibrahim, Pengarah KIMIA Terengganu telah diadakan pada 30

November 2023 di KIMIA Terengganu dan saya telah turut bersama dalam meraikan Puan Hajah Siti Redzoh.

26. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah mereka berikan kepada jabatan.
27. Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui mereka akan dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

### **MAJLIS MALAM MESRA KIMIA 2023**

28. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pengelola Majlis Malam Mesra Kimia 2023 yang telah menggembeng tenaga untuk menjayakan majlis ini. Usaha Jawatankuasa dan sokongan dari tuan/puan yang ikhlas amat disanjung tinggi dan semoga Majlis Malam Mesra ini mencapai tujuan yang diharapkan.

## **MALAM KIMIA DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH IKM 2023**

Hadirin sekalian,

29. Majlis Makan Malam dan Angerah IKM anjuran Institut Kimia Malaysia 2023 telah melabuhkan tirai pada 01 Disember 2023.
30. Makan malam yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri MOSTI ini dihadiri oleh semua Ahli Kimia Berdaftar dari pemain-pemain industri Kimia di Malaysia.
31. 2 orang pegawai KIMIA Malaysia iaitu Puan Aishah binti Abdul Aziz dari KIMIA Sarawak dan En Mohd Shafizi bin Ab Aziz dari KIMIA Terengganu telah menerima anugerah '*IKM Citation Award 2023.*'
32. Pada malam berkenaan juga, KIMIA Bintulu dan KIMIA Ibu Pejabat turut menerima penghargaan dalam *IKM Laboratory Excellence Award 2023* pada malam tersebut. Tahniah diucapkan.

## **PENYERAHAN MOBILE LAB DAN MOBILE UNIT**

33. Untuk makluman semua, satu majlis penyerahan Mobile Lab dan 2 Mobile Unit akan diadakan pada 18 Disember 2023.

34. Majlis ini akan melibatkan penyerahan dari Jabatan Kerja Raya kepada KIMIA Malaysia.
35. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

### **SIJIL BAHARU ISO 22301:2019 BCMS**

36. Sukacita dimaklumkan bahawa sijil baharu ISO 22301:2019 Business Continuity Management System (BCMS) yang merangkumi Ibu Pejabat dan KIMIA Negeri/Cawangan telah diterima daripada pihak CyberSecurity Malaysia.
37. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya kepada Pusat KUALIT dan ahli Pasukan Pelaksana BCMS di Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan.

### **PENUTUP**

38. Adalah menjadi tanggungjawab saya mengingatkan YBrs. Dr./Tuan/Puan atas pentingnya pematuhan kepada peraturan-

peraturan dalam urusan perkhidmatan, tatatertib dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa.

39. Keutamaan buat masa ini pastikan YBrs. Dr./Tuan/Puan telah melaksanakan celik digital, kemaskini LNPT dan semua penilaian dalam HRMIS.
40. Saya amat menghargai atas sumbangan dan kerja keras YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam memastikan prestasi adalah di tahap cemerlang.
41. Saya percaya dengan kerjasama dan tekad yang tinggi, kita mampu mencapai matlamat dan visi dengan lebih cemerlang serta mempunyai semangat bekerja berpasukan yang tinggi.
42. Tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang telah menyumbang kepada kejayaan organisasi ini.
43. Semoga tahun baharu 2024 yang akan menjelang membawa kebahagiaan, kecemerlangan dan keberkatan kepada kita semua. Sama-sama kita bertekad dengan penuh iktizam.

44. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan Disember.
45. Selamat Menyambut Hari Krismas kepada semua warga yang menyambutnya.
46. Semoga tahun baharu 2024 ini membawa sinar baharu kepada kita semua, dan mari kita bersama-sama beriltizam untuk menjadi yang terbaik dalam memberikan servis terbaik kepada rakyat dan negara.
47. Bersama kita kekalkan semangat ini dan terus maju ke arah kejayaan yang lebih besar dan indah dimasa akan datang.
48. Selamat menyambut tahun baharu kepada semua!
49. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
50. Sekian, terima kasih.

**----- TAMAT-----**